

**FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI SIKAP  
GURU SEKOLAH MENENGAH DI KOTA BELUD  
TERHADAP PENGGUNAAN KOMPUTER.**

**ANNA OCTAVIA BINTI NINTEH**



**UMS**  
PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA  
PENDIDIKAN**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2013**

# UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI SIKAP GURU SEKOLAH MENENGAH DI KOTA BELUD TERHADAP PENGGUNAAN KOMPUTER**

IJAZAH : **IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (KOMPUTER DALAM PENDIDIKAN)**

SAYA : **ANNA OCTAVIA BINTI NINTEH**

SESI PENGAJIAN : **2012/2013**

Menaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
4. Sila tandakan ( / )

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi / badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Disahkan Oleh

( ANNA OCTAVIA BINTI NINTEH )

(DR. TAN CHOON KEONG)

Alamat Tetap :

Tarikh : 5 JULAI 2013

Tarikh : 6-7-13

CATATAN :-

- \* Potong yang tidak berkenaan
- \*\* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa / organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.
- \*\*\* Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM)

## PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



---

ANNA OCTAVIA NINTEH  
PT2011-7344C  
06-05-2013



PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGHARGAAN

Syukur kepada Tuhan kerana dengan limpah kurnia dan keizinan Nya dapatlah saya menyempurnakan laporan penyelidikan ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih dirakamkan kepada Dr. Tan Choon Keong selaku penyelia saya atas segala nasihat, dorongan, bantuan dan keperihatinan beliau semasa menyempurnakan penulisan laporan ini. Bimbingan, pandangan dan segala tunjuk ajar yang telah diberikan banyak membantu kepada kejayaan penyelidikan ini.

Ucapan terima kasih juga untuk Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri Sabah dan semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak langsung bagi tujuan penulisan laporan penyelidikan ini. Saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada guru-guru sekolah menengah di daerah Kota Belud selaku sampel kajian atas kerjasama yang diberikan semasa kajian ini dijalankan.

Tidak lupa juga dirakamkan ucapan terima kasih buat teman-teman sekursus atas galakan dan dorongan sepanjang kajian ini dijalankan, yang juga sentiasa menghulurkan bantuan, motivasi serta berjuang bersama-sama saya untuk mengharungi cabaran-cabaran sepanjang pengajian ini.

Buat suami, En. Ben Stephen dan anak-anak, Adriel dan Adryeanna, terima kasih kerana sentiasa memberikan sokongan dan inspirasi dalam menyempurnakan pengajian ini. Buat ahli keluarga terdekat yang disayangi, terima kasih atas segala kerjasama dan sokongan yang diberikan.

Semoga Tuhan membalas jasa baik dan budi kalian.

## ABSTRAK

Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi sikap keyakinan guru terhadap penggunaan komputer dalam profesion perguruan. Seramai 348 orang guru ataupun responden terlibat dalam kajian ini. Bilangan responden adalah 50.4% daripada populasi guru setiap sekolah. Sampel kajian melibatkan guru-guru sekolah menengah di dalam dalam daerah Kota Belud. Data dikumpul dengan menggunakan kaedah soalselidik yang diuji dan dianalisis dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif dan juga kaedah statistik inferensi. Pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan set soalselidik yang diubahsuai daripada Adenan (1999). Set soalselidik mengandungi 26 item yang terbahagi kepada tiga bahagian. Set soalselidik juga menggunakan Skala Likert Lima Mata. Data yang di kumpul dengan menggunakan instrumen soal selidik dan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science (SPSS 17.0) For Windows*. Ujian ANOVA Sehala (One Way ANOVA) digunakan untuk mengenalpasti perbezaan signifikan di antara beberapa kumpulan umur dengan skor sikap keyakinan terhadap penggunaan komputer. Ujian-t digunakan bagi mengkaji perbezaan signifikan di antara jantina dengan skor sikap keyakinan terhadap penggunaan komputer. Ujian Korelasi Pearson digunakan untuk menentukan dan mengenalpasti kekuatan serta arah hubungan signifikan antara pembolehubah-pembolehubah. Ujian Regresi Berganda dijalankan bagi menentukan pengaruh pembolehubah-pembolehubah bebas terhadap pembolehubah bersandar. Dapatan kajian menunjukkan hanya satu pembolehubah bebas sahaja yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan sikap keyakinan guru terhadap penggunaan komputer. Pembolehubah tersebut adalah faktor latihan. Dapatan ini penting kepada pihak pentadbir sekolah khususnya juga penting kepada pihak-pihak lain seperti Pejabat Pendidikan Daerah dan Jabatan Pendidikan Negeri dan Kementerian Pelajaran Malaysia dalam membuat sebarang perancangan yang berkaitan dengan penggunaan komputer di sekolah. Diharap melalui hasil kajian ini, pihak-pihak yang berkaitan dapat merancang sesuatu yang berfaedah dan berkesan bagi meningkatkan penggunaan komputer di kalangan guru.

## **ABSTRACT**

*The main purpose of this research carried out is to identify factors which influenced teachers' confidence attitude towards computer usage in teaching profession. There are as many as 348 teachers or respondent involved in study this. Number of respondents is 50.4% from teacher population every school. Research sample involving secondary school teachers in Kota Belud district. Data gathered through the use of questionnaires and were tested and analysed using descriptive statistics and also inferential statistics method. Instrument that used for data collection purpose is questionnaires that was modified from Adenan (1999). The questionnaires set contains 26 item that is divided into three parts. The questionnaires set uses Five Likert Scale. Data collected using questionnaire were analysed using Statistical Package For Social Science (SPSS 17.0) For Windows software. One Way ANOVA used to identify significant difference between a few age group with confidence attitude score on computer usage. T-test used to study significant difference between sex and confidence attitude score on computer usage. Correlation Pearson applied to determine and identify strength and trend of relationship significant between variables. Multiple Regression carried out to determine relationship and influence variables on dependent variable. The findings showed only one independent variable that has significant relationship with teachers' confidence attitude on computer usage. That variable is training. These finding is important especially for school administrator also generally important to other parties such as District Education Office, State Education Department and Ministry of Education in planning any programme related to computer usage. It was hoped that through this survey results, related parties can plan something utilitarian and effective to boost computer usage among teachers.*

## SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



## KANDUNGAN

<b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>		Halaman
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Masalah	3
1.3	Pernyataan Masalah	5
1.4	Tujuan Kajian	7
1.5	Objektif Kajian	7
1.6	Soalan Kajian	8
1.7	Hipotesis Kajian	9
1.8	Kerangka Konseptual Kajian	10
1.9	Kepentingan Kajian	12
1.10	Batasan Kajian	13
1.11	Definisi Operasional	14
1.12	Kesimpulan	16
<b>BAB 2: TINJAUAN LITERATUR</b>		Halaman
2.1	Pengenalan	17
2.2	Teori Model Pemilikan Teknologi	18
2.3	Kepentingan Komputer Dalam Pendidikan	20
2.4	Kajian Tentang Sikap Terhadap Komputer Secara Umum	21
2.4.1	Kajian Tentang Kumpulan Umur Dan Sikap Terhadap Penggunaan Komputer	24



2.4.2	Kajian Tentang Jantina Dan Sikap Terhadap Penggunaan Komputer	25
2.4.3	Kajian Tentang Latihan Dan Sikap Terhadap Penggunaan Komputer	27
2.4.4	Kajian Tentang Galakan Pentadbir Dan Sikap Terhadap Penggunaan Komputer	29
2.4.5	Kajian Tentang Kemudahan Komputer Dan Sikap Terhadap Penggunaan Komputer	30
2.4.6	Kajian Tentang Kelulusan Akademik atau Ikhtisas Dan Sikap Terhadap Penggunaan Komputer	31
2.5	Kesimpulan	31

### **BAB 3: METODOLOGI KAJIAN**

Halaman

3.1	Pengenalan	32
3.2	Rekabentuk Kajian	33
3.3	Populasi Dan Kaedah Persampelan	34
3.4	Lokasi Kajian	36
3.5	Instrumen Kajian	36
3.6	Kajian Rintis	38
3.7	Kesahan Dan Kebolehpercayaan	40
3.8	Prosedur Kajian	40
3.9	Penganalisan Kajian	42
3.10	Kesimpulan	44

<b>BAB 4: ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN</b>		Halaman
4.1	Pengenalan	45
4.2	Profil Responden	46
4.2.1	Profil Responden Mengikut Jantina	46
4.2.2	Profil Responden Mengikut Umur	47
4.2.3	Profil Responden Dari Segi Pemilikan Komputer	47
4.2.4	Profil Responden Dari Segi Pilihan Penggunaan Komputer	48
4.2.5	Profil Responden Dari Segi Pengalaman Mengikut Kursus Komputer	49
4.2.6	Profil Responden Dari Segi Kelulusan Akademik Atau Ikhtisas Tertinggi	49
4.2.7	Profil Responden Dari Segi Tujuan Penggunaan Komputer	50
4.3	Kemudahan Komputer Di Sekolah	51
4.4	Skor Sikap Keyakinan Guru Terhadap Penggunaan Komputer	52
4.5	Dapatan Kajian	55
4.5.1	Dapatan Kajian Soalan 1	55
4.5.2	Dapatan Kajian Soalan 2	56
4.5.3	Dapatan Kajian Soalan 3	57
4.5.4	Dapatan Kajian Soalan 4	58
4.5.5	Dapatan Kajian Soalan 5	59
4.5.6	Dapatan Kajian Soalan 6	60
4.5.7	Dapatan Kajian Soalan 7	61
4.6	Kesimpulan	65

**BAB 5: RUMUSAN, PERBINCANGAN, CADANGAN**

<b>DAN KESIMPULAN</b>		<b>Halaman</b>
5.1	Pengenalan	66
5.2	Ringkasan Kajian	66
5.3	Perbincangan Terhadap Dapatan Kajian	67
5.4	Implikasi Kajian	72
5.5	Cadangan Kajian Masa Depan	73
5.6	Kesimpulan	74
<b>RUJUKAN</b>		75
<b>LAMPIRAN</b>		81



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI JADUAL

	halaman
Jadual 3.1	Pecahan Item-Item Dalam Set Soalselidik 37
Jadual 3.2	Kebolehpercayaan Pekali Alfa Instrumen Sikap Terhadap Penggunaan Komputer 39
Jadual 3.3	Penggunaan Jenis Ujian Mengikut Hipotesis Kajian 43
Jadual 3.4	Alatan Stastik Dan Kegunaannya Dalam Kajian 44
Jadual 4.1	Profil Responden Mengikut Jantina 46
Jadual 4.2	Profil Responden Mengikut Kumpulan Umur 47
Jadual 4.3	Pemilikan Komputer Persendirian 48
Jadual 4.4	Pilihan Penggunaan Komputer 48
Jadual 4.5	Pengalaman Mengikuti Kursus Komputer 49
Jadual 4.6	Kelulusan Akademik Atau Ikhtisas Ttertinggi 50
Jadual 4.7	Tujuan Penggunaan Komputer 50
Jadual 4.8	Kemudahan Komputer Di Sekolah 51
Jadual 4.9	Taburan Skor Sikap Keyakinan Guru Terhadap Penggunaan Komputer 52
Jadual 4.10	Respon Sikap Keyakinan Guru Berdasarkan Pernyataan Item Soalselidik 53
Jadual 4.11	Keputusan Ujian ANOVA Satu Hala Terhadap Soalan Kajian 1 55
Jadual 4.12	Keputusan Ujian-t Terhadap Hipotesis 2 56
Jadual 4.13	Jadual Tahap Korelasi Pearson 57
Jadual 4.14	Keputusan Ujian Korelasi Pearson Terhadap Hipotesis 3 58
Jadual 4.15	Keputusan Ujian Korelasi Pearson Terhadap Hipotesis 4 59
Jadual 4.16	Keputusan Ujian Korelasi Pearson Terhadap Hipotesis 5 60
Jadual 4.17	Keputusan Ujian Korelasi Pearson Terhadap Hipotesis 6 61
Jadual 4.18	Pembolehubah Yang Dimasukkan Untuk Hipotesis 7 62
Jadual 4.19	Kesimpulan Model Untuk Hipotesis 7 62

Jadual 4.20	Keputusan Ujian ANOVA Hipotesis 7	63
Jadual 4.21	Keputusan Ujian Korelasi Hipotesis 7	63
Jadual 4.22	Pembolehubah Hipotesis 7 Yang Dipinggarkan	64
Jadual 4.23	Statistik Residual Hipotesis 7	64



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI RAJAH

	halaman	
Rajah 1.1	Kerangka Konseptual Kajian	11
Rajah 2.1	Model Penerimaan Teknologi	19
Rajah 3.1	Gambar Rajah Menunjukkan Langkah-Langkah Yang Telah Dijalankan Di Dalam Kajian Ini	41



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A Borang Soal Selidik	81
Lampiran B Pengesahan Status Pelajar Pascasiswazah	85
Lampiran C Surat Kelulusan Menjalankan Kajian dari Jabatan Pelajaran Negeri Sabah	86
Lampiran D Surat Kelulusan Menjalankan Kajian dari Kementerian Pelajaran Malaysia	87



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

*" Masyarakat yang menguasai maklumat akan menguasai dunia. Maklumat adalah aset strategik bagi pembangunan sesebuah negara. Negara yang bermaklumat boleh mempengaruhi dunia dan mempunyai daya saing yang tinggi untuk mengatasi cabaran dan menguasai pasaran dunia".*

*(Tun Dr. Mahathir Bin Mohamad, 2001)*

Sebagaimana ucapan mantan perdana menteri kita Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir Bin Mohamad pada tahun 2001 dahulu, negara yang menguasai bidang Internet dan Teknologi Maklumat adalah negara yang bakal menerajui pembangunan pada masa hadapan. Kita kini hidup dalam satu masyarakat pascamoden, di mana setiap maklumat dianggap menjadi satu komoditi yang sangat berharga. Mereka yang mampu mengawal maklumat-maklumat yang penting, ataupun tahu bagaimana untuk mengakses dan mengguna maklumat tersebut, adalah pemain-pemain utama dalam ekonomi yang berasaskan maklumat.

Menerusi ilham mantan Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir Bin Mohamad iaitu Wawasan 2020. Ia telah menjadi pendukung kepada pembinaan tamadun negara ini. Usaha gigih yang bersungguh-sungguh dan bersepadu dari semua pihak adalah diperlukan demi untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang setanding dengan negara-negara maju yang lain mengikut acuannya sendiri melalui sembilan cabaran yang telah digariskan di dalam Wawasan 2020.

Cabaran ke-6 dalam Wawasan 2020 dengan jelas memberi penekanan terhadap sains dan teknologi untuk tujuan membolehkan Malaysia menjadi sebuah

negara perindustrian baru menjelang tahun 2020. Oleh itu, pengetahuan mengenai komputer adalah menjadi satu kemestian di kalangan masyarakat Malaysia untuk membolehkan negara bergerak ke hadapan. Penekanan dalam bidang sains dan teknologi, khasnya dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi telah diberikan perhatian serius oleh pihak kerajaan dalam proses membentuk pekerja generasi muda Malaysia yang berpengetahuan (*k-workers*).

Menurut Toffler (1980), apabila masyarakat bergerak ke arah era informasi, komputer menjadi instrumen teknologi yang penting dan sangat diperlukan oleh para pelajar dan guru-guru untuk memperolehi kemahiran-kemahiran yang baru. Dengan bermulanya abad yang ke-21, menurut Bork (1978), kebanyakan pembelajaran pada segenap tahap pendidikan dan bagi setiap mata pelajaran adalah melalui penggunaan komputer. Menurut Stonier dan Conlin (1985), yang dipetik daripada penulisan Simonson dan Thompson (1997), pendidikan untuk masyarakat era informasi tidak lagi memberikan tumpuan terhadap 3M yang mana meliputi kemahiran membaca, menulis dan mengira sebaliknya pada era ini masyarakat lebih memberikan penumpuan kepada 3C iaitu; *children, computers and communication*. Keadaan seperti ini berlaku kerana pendidikan pada era informasi ini adalah bermatlamat untuk melahirkan golongan tenaga pekerja yang kreatif dan mempunyai kemampuan untuk membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh manusia. Simonson dan Thompson (1997), menyatakan perkara tersebut seperti berikut:

*"Sometime, during the second half of the 20th century, Western Society evolved from an industrial to a post-industrial, or to be precise society centered on teaching the Three Rs: "Reading, 'Ritting, and 'Rithmetic." Its aim was to produce a disciplined work force (punctual, conformist, specialized) to operate the brute machinery of the nation-state. Education for an Information Society will center in the Three Cs: "Children, Computers, and Communication." Its aim will be to produce a creative work force (adaptable, entrepreneurial, interdisciplinary) to help solve the problems of this planet".*

Menurut Bill Gates, yang juga merupakan pengasas kepada Microsoft Corporation yang dipetik daripada Shelly *et al.* (1995), menegaskan bahawa

teknologi akan mengubah selama-lamanya cara bagaimana kita belajar, bekerja, bermasyarakat dan membeli belah. Dalam hal ini Bill Gates, menegaskan perkara tersebut seperti berikut:

*"We are crossing a technology threshold that will forever change the way we learn, work socialize and shop. It will affect all of us, and business of every type, in ways far more pervasive than most people realize".*

Menurut Siti Faizzatul Aqmal Mohamad Mohsin dan Razali Hassan (2011), abad ke-21 adalah begitu sinonim dengan era digital yang bertunjangkan kepada kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sehingga menyebabkan kemahiran tersebut menjadi semakin penting pada masa kini. Kepentingan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi ini adalah selaras dengan keperluan kemahiran dalam abad ke-21 yang sememangnya penting untuk diaplikasikan dalam bidang pendidikan. Memandangkan guru adalah tunjang kepada pelopor kemahiran abad ke-21 dalam melahirkan modal insan kreatif dan inovatif maka profesionalisme guru perlu dipertingkatkan.

## **1.2 Latar Belakang Masalah**

Malaysia kini dalam proses mengubah status daripada sebuah negara membangun menjadi menjadi sebuah negara maju. Dalam usaha kerajaan untuk menjadikan Malaysia berstatus negara maju pada tahun 2020, teknologi maklumat (IT) telah menjadi satu aspek yang sangat penting kerana ia telah diaplikasikan dalam setiap aspek kehidupan. Tidak kira dalam aspek kesihatan, perniagaan mahupun pendidikan. Oleh itu, teknologi maklumat ini telah dijadikan sebagai satu teras yang perlu dikuasai oleh semua lapisan masyarakat. Salah satu terminologi IT yang popular pada hari ini ialah Teknologi Komunikasi Maklumat (ICT) atau TMK. TMK adalah satu inovasi dalam kehidupan rakyat Malaysia pada masa kini. Seperti mana perkara-perkara baru lain yang telah diperkenalkan, pelbagai reaksi daripada masyarakat Malaysia telah timbul sebelum masyarakat mampu menerima inovasi ini dalam kehidupan mereka. Kefahaman masyarakat terhadap keperluan ICT di dalam kehidupan hari ini perlu dipertingkatkan. Ini memandangkan tanpa kefahaman

yang jelas akan menjejaskan perkembangannya di Malaysia dan sekaligus memperlambatkan usaha kerajaan untuk melahirkan masyarakat bermaklumat di Malaysia.

Dalam era teknologi maklumat ini, penggunaan komputer dalam segenap bidang kehidupan bukanlah sesuatu yang asing lagi. Ini adalah kerana melalui penggunaan komputer, pengguna akan dapat menudahkan tugas-tugas seharian mereka. Tidak ketinggalan juga dengan bidang pendidikan, hampir semua tugas-tugas guru itu perlu dijalankan dengan menggunakan komputer. Pada masa sekarang, terdapat banyak sistem atas talian yang telah dibina dan perlu digunakan oleh para guru. Contohnya, untuk tujuan menyimpan prestasi pelajar para guru dikehendaki untuk menggunakan Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (SPPBS) dan untuk tujuan berkaitan dengan disiplin murid guru disiplin dikehendaki menggunakan Sistem Salah Laku Disiplin Murid (SSDM). Sehubungan dengan itu, maka para guru hendaklah bersedia dengan pengetahuan komputer agar mereka dapat menjalankan tugas dengan lebih baik lagi.

Komputer merupakan satu alat elektronik yang amat kompleks. Sekiranya teknologi komputer ini dipergunakan sebaik mungkin, ia mampu memberikan banyak kelebihan. Komputer mampu menjadi alat yang berguna dalam membantu guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ini kerana komputer adalah satu alat yang mampu untuk menerima dan seterusnya memproses data. Menurut Giesert dan Futrell (1990), dalam kajian mereka seseorang guru yang menggunakan komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran boleh dikategorikan sebagai mempunyai bakat dan kebolehan tambahan. Pengajaran yang disertakan dengan bahan bantu belajar yang terkini akan dapat menambahkan minat pelajar mempelajari sesuatu bidang pelajaran. Di samping itu jika komputer dapat digunakan secara sistematik dan berkesan oleh guru, ia akan mampu menyelesaikan sebarang masalah pengajaran pembelajaran. *"Technology is a catalyst for change in classroom processes because it provides a distinct departure, a change in context that suggests alternative ways of operating. It can drive a shift from a traditional instructional approach toward a more eclectic set of learning activities that include knowledge-building situations for students. (p.47)"* (Sandholtz, 1997).



Menurut Francis Bacon (1597), dan juga John F. Kennedy (1962), yang dipetik daripada penulisan oleh Simonson (1997), yang menyatakan bahawa *'knowledge is power'* yang bermaksud pengetahuan adalah kuasa. Ia boleh diaplikasikan dalam situasi profesion perguruan. Seorang guru itu memiliki kuasa ilmu pengetahuan. Kuasa itu boleh digunakan bagi menyampaikan pengajaran yang efektif kepada para pelajarnya. Untuk membina pengetahuan dan kemahiran yang cekap sebagai seorang guru, maklumat yang secukupnya merupakan prasyarat yang paling penting. Kewibawaan seseorang guru itu terletak pada jumlah dan jenis maklumat yang dimilikinya. Selain daripada itu, guru haruslah mampu untuk menyebarkan maklumat serta ilmu pengetahuan kepada para pelajarnya dengan berkesan. Penggunaan komputer merupakan salah satu cara penyebaran ilmu yang boleh diguna pakai oleh seseorang guru.

Menurut Adenan Husin (1999), dalam kajiannya penggunaan teknologi komputer bukan sahaja boleh membantu seseorang guru itu memudahkan kerja-kerja harian sebagai seorang guru, malahan penggunaan komputer juga boleh diaplikasikan dalam memastikan keberkesanan pengajaran dalam kelas. Penggunaan komputer yang berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran memerlukan seseorang guru itu untuk memiliki pengetahuan dan kemahiran yang secukupnya mengenai teknologi komputer. Oleh itu guru haruslah sentiasa peka dengan arus perubahan yang berkaitan dengan penggunaan komputer. Pelgrum *et al.* (1991), menegaskan dalam penulisan mereka bahawa: *"Teachers who are willing to intergrate computers in their subject matter are a need knowledge about and skills on how to use computers."*

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Kebolehan menggunakan komputer membolehkan seseorang itu mempunyai kuasa untuk membuka pintu-pintu ke dunia pengetahuan dan ilmu baru. Ini kerana, kebanyakan peralatan dan kemudahan hidup kini semuanya adalah berasaskan komputer. Seinggakan dengan hanya perlu menekan satu 'butang' sahaja maka satu masalah harian sudah mampu diselesaikan dengan baik, tepat dan teratur. Peralatan komputer ini sangat sesuai digunakan untuk melakukan kerja yang

banyak dan berulang-ulang, memerlukan ketepatan yang tinggi, banyak maklumat yang perlu disimpan dan diperoleh semula dalam masa yang singkat serta dapat memproses data yang banyak yang sukar dilakukan oleh manusia biasa.

Dengan adanya penggunaan komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran sebagai alat bantu mengajar menggantikan sistem tradisional yang lebih berpusatkan guru, sistem pendidikan di negara kita telah berkembang dengan lebih pesat lagi. Kemudahan teknologi seperti teknologi Internet diwujudkan sebagai cabang dalam menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran bestari.

Menurut Adenan Husin (1999), yang memetik daripada Heinich *et al.* (1996), secara tradisi ramai guru mungkin mengandaikan bahawa setiap murid itu mampu menerima dan mesti menerima apa sahaja yang diperkatakan oleh guru dan ini menyebabkan penyebaran dan penyampaian maklumat secara berkesan kepada para pelajar biasanya diabaikan. Setiap pelajar adalah individu yang berbeza dari segi kemampuan memproses maklumat serta cara belajar, tumpuan dan sebagainya. Perbezaan individu setiap pelajar itu menyebabkan komunikasi yang efektif amat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Salah satu cara dalam meningkatkan keberkesanan komunikasi di antara guru dan pelajar dalam satu proses pengajaran dan pembelajaran adalah dengan menggunakan aplikasi teknologi komputer oleh para guru. Walaubagaimanapun adalah menjadi persoalan dan tanda tanya pada penyelidik, sejauhmana guru-guru di sekolah khususnya sekolah menengah di daerah Kota Belud ini menggunakan ataupun memanfaatkan teknologi komputer dalam profesion perguruan dan apakah faktor-faktor yang mampu mempengaruhi sikap para guru terhadap penggunaan teknologi komputer.

Menurut Fonseka (1987), dalam era 80-an yang telah melakukan kajian mengenai penggunaan komputer di kalangan guru-guru. Hasil daripada kajian tersebut mendapati bahawa guru kurang menggunakan komputer dan mempunyai sikap yang negatif terhadap teknologi komputer. Ini adalah kerana guru-guru bertanggapan bahawa adalah lebih penting bagi mereka untuk menghabiskan sukatan pelajaran.

Menurut Shafie (1990), dalam tahun 90-an mendapati bahawa bebanan kerja yang berlebihan di kalangan guru mempengaruhi sikap guru terhadap penggunaan komputer dalam pengajaran. Ini kerana masa guru banyak dihabiskan untuk melakukan kerja ataupun tugas selain daripada mengajar dan ini menyebabkan masa guru terhad untuk menumpukan perhatian terhadap penggunaan komputer dalam pengajaran.

Pada awal abad yang ke-21, Johari Hassan dan Zaliza Md Yasin (2007), telah membuat kajian mengenai penggunaan komputer di kalangan guru-guru sekolah menengah. Dalam kajian tersebut, mereka mendapati bahawa secara keseluruhannya tahap penggunaan komputer adalah rendah di kalangan guru. Ini adalah berpunca daripada kekurangan kemudahan komputer dan pengetahuan tentang komputer. Walaubagaimanapun ada sebahagian guru yang dapat menggunakan komputer dengan baik namun masih mengalami masalah apabila komputer mereka diserang virus. Mereka juga mendapati bahawa guru masih kurang menggunakan teknologi komputer untuk membuat persediaan pelajar.

#### **1.4 Tujuan Kajian**

Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi sikap guru-guru sekolah menengah di daerah Kota Belud terhadap penggunaan komputer dalam profesion perguruan. Bagi mencapai tujuan ini, kajian ini juga akan cuba menghuraikan beberapa objektif bagi mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi sikap guru-guru sekolah menengah terhadap penggunaan komputer dalam profesion perguruan.

#### **1.5 Objektif Kajian**

Di dalam objektif kajian ini, pengkaji ingin melihat sejauh mana faktor-faktor yang terlibat dapat mempengaruhi sikap guru sekolah menengah di dalam daerah Kota Belud terhadap penggunaan teknologi komputer. Objektif utama dalam kajian ini adalah, untuk mengetahui hubungan di antara pembolehubah bebas dan



pembolehubah bersandar. Manakala objektif khusus kajian ini adalah seperti berikut:

1. Melihat sama ada umur mempunyai kesan ke atas sikap guru-guru sekolah menengah di daerah Kota Belud untuk menggunakan komputer dalam profesion perguruan.
2. Melihat sama ada jantina mempunyai kesan ke atas sikap guru-guru sekolah menengah di daerah Kota Belud untuk menggunakan komputer dalam profesion perguruan.
3. Melihat sama ada latihan mempunyai kesan ke atas sikap guru-guru sekolah menengah di daerah Kota Belud untuk menggunakan komputer dalam profesion perguruan.
4. Melihat sama ada galakan pentadbir mempunyai kesan ke atas sikap guru-guru sekolah menengah di daerah Kota Belud untuk menggunakan komputer dalam profesion perguruan.
5. Melihat sama ada kemudahan komputer mempunyai kesan ke atas sikap guru-guru sekolah menengah di daerah Kota Belud untuk menggunakan komputer dalam profesion perguruan.
6. Melihat sama ada kelulusan akademik atau ikhtisas mempunyai kesan ke atas sikap guru-guru sekolah menengah di daerah Kota Belud untuk menggunakan komputer dalam profesion perguruan.

## **1.6 Soalan Kajian**

Untuk mencapai objektif kajian ini, persoalan-persoalan kajian berikut dikemukakan:

1. Adakah terdapat kesan yang signifikan di antara umur dengan sikap guru-guru sekolah menengah di daerah Kota Belud terhadap penggunaan komputer dalam profesion perguruan?
2. Adakah terdapat kesan yang signifikan di antara jantina dengan sikap guru-guru sekolah menengah di daerah Kota Belud terhadap penggunaan komputer dalam profesion perguruan?

3. Adakah terdapat kesan yang signifikan di antara latihan dengan sikap guru-guru sekolah menengah di daerah Kota Belud terhadap penggunaan komputer dalam profesion perguruan?
4. Adakah terdapat kesan yang signifikan di antara galakan pentadbir dengan sikap guru-guru sekolah menengah di daerah Kota Belud terhadap penggunaan komputer dalam profesion perguruan?
5. Adakah terdapat kesan yang signifikan di antara kemudahan komputer dengan sikap guru-guru sekolah menengah di daerah Kota Belud terhadap penggunaan komputer dalam profesion perguruan?
6. Adakah terdapat kesan yang signifikan di antara kelulusan akademik atau ikhtisas dengan sikap guru-guru sekolah menengah di daerah Kota Belud terhadap penggunaan komputer dalam profesion perguruan?
7. Adakah faktor-faktor umur, jantina, latihan, galakan pentadbir, kemudahan komputer dan peringkat kelulusan akademik atau ikhtisas mempengaruhi sikap guru-guru sekolah menengah di daerah Kota Belud terhadap penggunaan komputer dalam profesion perguruan?

### **1.7 Hipotesis Kajian**

Berdasarkan objektif kajian, hipotesis kajian yang dipertimbangkan adalah seperti berikut;

1. Terdapat kesan yang signifikan di antara umur dengan sikap guru-guru sekolah menengah di daerah Kota Belud terhadap penggunaan komputer dalam profesion perguruan.
2. Terdapat perhubungan yang signifikan di antara jantina dengan sikap guru-guru sekolah menengah di daerah Kota Belud terhadap penggunaan komputer dalam profesion perguruan.
3. Terdapat perhubungan yang signifikan di antara latihan dengan sikap guru-guru sekolah menengah di daerah Kota Belud terhadap penggunaan komputer dalam profesion perguruan.